

Analisis Kaedah Penulisan Hadith dalam Tafsir al-Misbah oleh M. Quraish Shihab

[Analysis of the Hadith Writing Methodology in Tafsir al-Misbah by M. Quraish Shihab]

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 38-49
 © The Author(s) 2025
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 1 April 2025
 Accepted: 25 April 2025
 Published: 14 May 2025

Fatin Hamamah Abdul Manan¹ & Roshimah Shamsudin¹

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusia, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.
 Email: fatinhamamah_89@yahoo.com; roshimah@usm.my

*Corresponding Author: roshimah@usm.my

Abstrak

M. Quraish Shihab merupakan antara tokoh Islam terkenal di Indonesia dan juga Nusantara. Ketokohan beliau dalam bidang tafsir tidak dapat dinafikan lagi. Penulisannya dalam bidang tafsir khususnya *Tafsir al-Misbah* turut membawakan hadith sebagai salah satu dalil. Walau bagaimanapun, hadith yang digunakan oleh beliau dalam *Tafsir al-Misbah* dilihat tidak seragam. Hal ini demikian kerana tidak semua hadith didatangkan matanya dalam bahasa Arab. Selain itu, M. Quraish Shihab juga turut menggunakan hadith *da'if* dan *mawdu'* dalam pentafsirannya. Malah, beliau juga jarang melakukan *takhrij* terhadap hadith-hadith tersebut. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengkaji kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Misbah*. Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai cara untuk mengumpulkan data. Seterusnya data-data tersebut dianalisis berdasarkan kaedah deduktif dan induktif. Penemuan kajian menunjukkan bahawa M. Quraish Shihab banyak menggunakan hadith sebagai dalil utama dalam penulisannya. Kemampuan beliau dalam mendatangkan hadith daripada pelbagai sumber membuktikan bahawa beliau juga mahir dalam bidang hadith. Berikutan itu, kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih komprehensif mengenai M. Quraish Shihab dari segi ketokohan beliau khususnya kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Misbah*.

Key Words: Kaedah penulisan hadith, ketokohan, M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah*

Abstract

M. Quraish Shihab is one of the famous Islamic figures in Indonesia and also in Nusantara. His prominence in the field of tafsir cannot be denied. His writings in the field of tafsir, especially *Tafsir al-Misbah*, also bring hadith as one of the arguments. However, the hadiths used by him in *Tafsir al-Misbah* are seen as not uniform. This is because not all hadiths are presented in Arabic. In addition, M. Quraish Shihab also uses weak and fabricated hadiths in his interpretations. In fact, he rarely does *takhrij* on these hadiths. Therefore, this writing aims to study the method of writing hadiths in *Tafsir al-Misbah*. This study is qualitative in nature using the library method as a way to collect data. The data is then analyzed based on deductive and inductive methods. The findings of the study show that M. Quraish Shihab uses hadiths a lot as the main arguments in his writings. His ability in presenting hadiths from various sources proves that he is also skilled in the field of hadith. Consequently, this study can provide a more comprehensive picture of M. Quraish Shihab in terms of his character, especially the method of writing hadith in *Tafsir al-Misbah*.

Key Words: hadith writing methodology, prominence, M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Fatin Hamamah Abdul Manan & Roshimah Shamsudin. (2025). Analisis Kaedah Penulisan Hadith dalam Tafsir al-Misbah oleh M. Quraish Shihab [Analysis of the Hadith Writing Methodology in Tafsir al-Misbah by M. Quraish Shihab]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 38-49.

Pengenalan

M. Quraish Shihab merupakan seorang ulama besar Indonesia yang sangat berpengaruh dalam dunia Islam kontemporari. Beliau sangat dikenali sebagai salah seorang pemikir Islam yang moden. Di samping itu, M. Quraish Shihab turut menjalankan bidang dakwahnya dengan menggunakan beberapa metode atau pendekatan yang mudah untuk difahami oleh masyarakat moden kini. Salah satu sumbangan terbesar yang telah dilakukan oleh M. Quraish Shihab adalah dengan menghasilkan beberapa buah tafsir yang sering dijadikan rujukan oleh masyarakat seperti “*Membumikan al-Quran*”, “*Wawasan al-Quran*” (Rahmatullah, et.al, 2021) dan karya beliau yang paling popular dan sering dibahaskan ialah “*Tafsir al-Misbah*”. Meskipun ketokohan beliau lebih terserlah dalam bidang tafsir, namun beliau juga masih menitikberatkan penggunaan hadith dalam setiap karya beliau memandangkan hadith merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam. Oleh kerana itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang ketokohan beliau dalam bidang hadith dan sejauh mana penggunaan hadith dalam karya-karya yang telah dihasilkan oleh M. Quraish Shihab

Latar Belakang M. Quraish Shihab

Muhammad Quraish Shihab bin Abdurrahman Shihab atau nama timangan yang sering digunakan dalam kalangan ahli keluarganya iaitu Bang Odes yang merupakan seorang ulama kontemporari di Nusantara terutamanya di Indonesia (Mauluddin Anwar, et.al., 2015). Beliau dilahirkan di Rappang Sulawesi Selatan pada hari Rabu, 16 Februari 1944 bersamaan 22 Safar 1363H (H. Mahmud Yunus, 1979). M. Quraish Shihab menetap di Rappang selama lima tahun sebelum berpindah ke Makassar yang beralamat di Jalan Sulawesi, lorong 194, nombor 7, kampung Buton. Perpindahan mereka mempunyai pertalian dengan tuntutan kerja ayahnya Abdurrahman Shihab yang ketika itu menjawat pelbagai jawatan penting di bawah kelolaan Makassar iaitu sebagai Rektor Perguruan Tertinggi Negeri itu selama lima tahun (Mauluddin Anwar, et.al., 2015).

Abdurrahman Shihab bapa M. Quraish Shihab merupakan seorang tokoh yang hebat. Tidak hairanlah jika ketokohan beliau ini telah mempengaruhi keperibadian M. Quraish Shihab. Abdurrahman Shihab telah menjawat beberapa jawatan penting seperti rektor di Universitas Muslim Indonesia (UMI) dan juga di Universitas Alauddin Makassar (UIN) yang kini dikenali dengan gelaran IAIN (Muhammad Iqbal, 2010). Beliau juga merupakan seorang ulama dan juga pendakwah yang sangat disegani di kawasan Makassar dan Sulawesi (Yovi Pebriyanti, 2019). Manakala Ibu M. Quraish Shihab yang bernama Asma dilahirkan di Rappang. Beliau yang lebih mesra disapa dengan panggilan Puang Asma merupakan salah seorang yang sangat dihormati dalam kalangan masyarakat di daerah tersebut. Nenek beliau yang Bernama Puattulada merupakan adik kandung sultan Rappang. Gelaran “Puang” yang dimiliki oleh Asma

merupakan gelaran yang digunakan oleh jalur yang berketurunan bangsawan (Mauluddin Anwar, et. al., 2015).

Sementara itu, cara didikan Asma yang diterapkan terhadap anak-anaknya dilihat sedikit berbeza dengan cara Abdurrahman. Asma didapati agak sedikit keras terutamanya ketika menyentuh hal pendidikan. Beliau dan suaminya Abdurrahman Shihab telah dianugerahkan 12 cahaya mata iaitu Nur, Ali, Muhammad Quraish, Wardah, Alwi, Nina, Abdul Muthalib, Salwa serta dua anak kembarnya iaitu Ulfa dan Latifah. Didikan Asma dan Abdurrahman Shihab terhadap anak-anaknya telah berjaya membentuk keperibadian mereka sehingga berjaya menjadikan mereka insan yang menyumbang kepada masyarakat, pendidikan dan juga politik (Mauluddin Anwar, et. al., 2015).

Ketokohan dan latar belakang Abdurrahma Shihab dan Asma telah membentuk keperibadian M. Quraish Shihab. M. Quraish Shihab selain memiliki sikap yang sering mendamaikan dalam kalangan ahli keluarga, beliau juga merupakan seorang yang sangat tegas. Namun begitu, di sebalik ketegasannya, masih terdapat peribadi yang mencuit hati dan bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya sendiri. M. Quraish Shihab telah mendirikan rumah tangga dengan Fatmawaty pada 2 Februari 1975 (Badiatul Roziqin, et. al., 2009). Meskipun jarak umur antara mereka adalah 10 tahun, hal ini tidak menghalang M. Quraish Shihab untuk sering membuat Fatmawaty tersenyum dan bahagia (Mauluddin Anwar, et. al, 2015). Setahun selepas perkahwinan, M. Quraish Shihab dan Fatmawaty telah dikurniakan dengan lima orang cahaya mata yang terdiri daripada empat orang perempuan dan seorang anak lelaki 1975 (Badiatul Roziqin, et. al., 2009).

Ketokohan M. Quraish Shihab juga turut mendapat beberapa pengiktirafan daripada pelbagai pihak, antaranya adalah daripada majalah *The Muslim 500: The world's 500 Most Influential Muslim* yang mana telah mengangkat beliau sebagai salah seorang tokoh Islam yang berpengaruh dalam kategori “*Preachers and Spiritual Guides*”. Beliau mendapat pengiktirafan tersebut selama 11 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2010 sehingga 2021 (Joseph Lumbard, Aref Ali Nayed, 2010), (S. Abdallah Schleifer, 2011-2021). M. Quraish Shihab juga turut mendapat puji dari beberapa orang tokoh di Indonesia. Antaranya termasuklah daripada Jusuf Kalla yang merupakan wakil presiden Indonesia dan ketua Menteri di bahagian bencana. Jusuf Kalla menyifatkan M. Quraish Shihab seperti sebuah buku ilmiah yang sarat dengan fakta, agama dan sering menjadi rujukan oleh ramai pihak. Selain itu, beliau juga turut disifatkan sebagai seorang ulama intelektual yang telah banyak melontarkan idea serta cara pemikirannya melalui penulisan (Mauluddin Anwar, et. al., 2015).

Selain Jusuf Kalla, adik M. Quraish Shihab iaitu Alwi Shihab turut menyatakan bahawa abangnya itu sangat fasih bertutur dalam bahasa Arab sehingga mendapat puji daripada Menteri kebudayaan Mesir. Beliau juga merupakan seorang yang mempunyai disiplin yang tinggi, beradab dan sangat menepati waktu (Mauluddin Anwar, et. al, 2015). Menurut Amirudin pula (2017), M. Quraish Shihab merupakan seorang ulama Islam moden dan kontemporari yang sentiasa menjaga pemikirannya agar sentiasa rasional dan bersederhana ketika mengeluarkan sesuatu pendapat berkaitan agama. Apabila menyentuh hal agama, jika dibandingkan dengan keadaan masyarakat kini yang serba moden, beliau akan lebih berhati-hati dalam menggabungkan dua elemen ini agar tidak membebankan masyarakat untuk mengamalkannya. Oleh kerana itu, dapat disimpulkan bahawa didikan yang telah diberikan oleh kedua ibubapa

M. Quraish Shihab telah membentuk peribadinya menjadi seorang yang tegas, berwibawa dan penyayang terhadap keluarganya. M. Quraish Shihab juga dibesarkan dalam persekitaran yang dipenuhi dengan ilmu agama, selain itu, dilahirkan daripada keluarga yang berpengaruh juga memberikan kesan yang signifikan terhadap keperibadiannya. Ketokohan M. Quraish Shihab juga turut mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pendidikan dan Kerjaya M. Quraish Shihab

Dalam aspek pendidikan, bapa M. Quraish Shihab iaitu Abdurrahman Shihab didapati memainkan peranan yang cukup signifikan dalam mencorak hal tuju pendidikannya. Abdurrahman Shihab sangat menekankan pengajian agama apabila beliau sendiri mengambil inisiatif untuk mengajar anaknya seawal usia mereka enam sehingga tujuh tahun dengan mengajarkan mereka tentang huraian setiap al-Quran yang telah dibaca dengan mendatangkan beberapa kisah yang terkandung dalam al-Quran. Hal ini merupakan titik permulaan yang membuatkan M. Quraish Shihab tertarik untuk mendalam al-Quran (Farida, 2018). M. Quraish Shihab telah menamatkan pendidikan peringkat rendahnya di Lompobattang pada usia 11 tahun dan kemudian melanjutkan pelajaran pada peringkat menengah di SMP Muhammadiyah di Makassar (Mauluddin Anwar, et. al., 2015). Setelah setahun menuntut di Muhammadiyah, beliau meminta izin kedua ibubapanya untuk menyertai pesantren di Dar al-Hadith al-Fiqhiyah (Farida, 2018). Di sana beliau telah berguru secara langsung dengan al-Habib Abdul Qadir Bilfaqih yang merupakan seorang ulama besar yang mempunyai pengetahuan yang sangat luas (M. Quraish Shihab, 2007). Al-Habib Abdul Qadir Bilfaqih merupakan seorang ulama yang sangat disegani di Indonesia, beliau telah mengajarkan kepada muridnya tentang toleransi, rendah diri dan juga rasa cinta kepada ahli bait. Melalui al-Habib Abdul Qadir Bilfaqih ini juga M. Quraish Shihab telah mempelajari untuk sentiasa meraikan pendapat ulama Islam yang pelbagai (Afrizal Nur, 2012). Dapat disimpulkan juga bahawa kemungkinan besar M. Quraish Shihab telah mula mempelajari ilmu hadith adalah ketika beliau menyertai pesantren di Dar al-Hadis al-Fiqhiyah di bawah bimbingan al-Habib Abdul Qadir Bilfaqih. Adapun pembelajaran berkaitan al-Quran telah diajarkan oleh ayahnya sendiri ketika M. Quraish Shihab berumur enam tahun.

Memandangkan Abdurrahman Shihab tidak mahu anaknya ketinggalan dalam pengajian sekolah menengah, beliau telah meminta kebenaran daripada al-Habib Abdul Qadir Bilfaqih untuk membenarkan anaknya mengikuti pengajian peringkat menengah sambil menyertai pengajian di pondok. Hal ini telah menjadikan M. Quraish Shihab satu-satunya murid yang menuntut di bawah dua jenis institusi yang berbeza iaitu di pesantren dan juga di sekolah menengah. (Mauluddin Anwar, et. al., 2015). Pada tahun 1958, ketika berumur 14 tahun, beliau telah melanjutkan pelajaran di Kaherah, Mesir dan diterima pada peringkat dua thanawiyah Al-Azhar. Setelah selesai pada peringkat *thanawi*, beliau meneruskan ke peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan tafsir dan hadith di Universiti al-Azhar. M. Quraish Shihab menamatkan ijazah sarjana mudanya pada tahun 1967 kemudian melanjutkan pelajarannya dalam jurusan yang sama dan berjaya menamatkan sarjananya pada tahun 1969 (Badiatul Roziqin, et. al., 2009). Pada tahun 1980, M. Quraish Shihab melanjutkan pelajarannya di Mesir pada peringkat Doktor Falsafah. Beliau menamatkan pelajarannya pada tahun 1982 dengan mendapat gelaran

“*Mumtaz ma ‘a Martabat al-Sharif al-‘Ula*” sekaligus menjadikannya orang pelajar pertama daripada Asia Tenggara yang mendapat pangkat tersebut (Atik Wartini, 2014).

Latar belakang pendidikan M. Quraish Shihab ini dapat dilihat melalui cerminan yang lebih signifikan daripada ayahnya iaitu Abdurrahman Shihab yang telah dipupuk sejak kecil. Pembentukan ini tidak hanya terhad dalam bidang pendidikan sahaja, malahan Abdurrahman Shihab juga turut memupuk semangat kepimpinan terhadap M. Quraish Shihab. Hal ini dapat dilihat apabila beliau telah melantik M. Quraish Shihab sebagai wakil Ketua Rektor IAIN Alaudin Ujung Pandang (Mauluddin Anwar, et. al., 2015). Selain itu, beliau juga turut ditugaskan untuk menjaga beberapa jabatan dalam kampus tersebut. Sementara itu, di luar kampus turut terlibat sebagai pembantu Pimpinan Kepolisian Indonesia Timur dalam bidang Pembinaan Mental (BIMTAL) (Afrizal Nur, 2012). Pada tahun 1984, M. Quraish Shihab berpindah daripada IAIN Alaudin Ujung Pandang ke IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta dalam fakulti Usuluddin. Beliau telah diamanahkan sebagai Rektor IAIN di Jakarta selama dua penggal iaitu pada tahun 1992 dan 1997. Beliau juga pernah dilantik menjadi Menteri agama selama dua bulan pada awal tahun 1998 oleh Presiden Soeharto (Atik Wartini, 2014). Selain pernah menjawat jawatan menteri agama, beliau juga pernah menyandang beberapa jawatan lain seperti Ketua Majlis Ulama Indonesia (UMI) pada tahun 1989, Anggota Dewan Riset Nasional pada tahun 1994, Anggota Dewan Syariah Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1992 (Wardani, 2009) dan juga penolong ketua umum Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMU) serta banyak lagi jawatan yang pernah dipertanggungjawabkan kepadanya (Atik Wartini, 2014).

Pada tahun 1999, M. Quraish Shihab dilantik sebagai Duta Besar Republik Indonesia di Kaherah Mesir. Ketika inilah beliau mula menulis *Tafsir al-Misbah* sehingga selesai sekaligus mengukuhkan kedudukannya sebagai tokoh ahli tafsir yang terkemuka di Indonesia. Setelah selesai tugasnya sebagai duta besar di Kaherah, M. Quraish Shihab pulang ke Indonesia dan mula bergerak aktif sebagai pendakwah dan pendidik. Beliau juga turut mengasaskan Lembaga pendidikan dan mendalami al-Quran yang diberi nama Pusat Studi al-Quran (PSQ) di Jakarta. Selain itu juga, M. Quraish Shihab juga mula memberi perhatian dalam bidang penulisan dan menerbitkan hasil penulisannya di bawah terbitan Lentera Hati (Muhammad Iqbal, 2010).

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pendidikan awal yang diterima oleh M. Quraish Shihab banyak dipengaruhi oleh ayahnya sendiri. Pendidikan yang diterapkan oleh ayahnya adalah bermula ketika M. Quraish Shihab berumur enam tahun. Setelah itu, M. Quraish Shihab dihantar untuk belajar secara formal di beberapa buah sekolah dan pesantren untuk mempelajari ilmu-ilmu akademik serta agama. Beliau juga telah berjaya menamatkan pengajiannya sehingga ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang tafsir dengan memperolehi keputusan yang amat memberangsangkan. Susulan kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh M. Quraish Shihab, beliau juga telah diberi kepercayaan oleh masyarakat dan juga kerajaan Indonesia untuk memegang beberapa jawatan penting sekaligus menjadikan beliau sebagai seorang ulama dan juga pendidik yang sangat dikenali di Indonesia.

Karya-karya M. Quraish Shihab

Ketokohan M. Quraish Shihab tidak hanya tertumpu dalam bidang pendidikan dan jawatan yang disandangnya, bahkan turut terserlah dalam bidang penulisan. M. Quraish Shihab telah diberi kepercayaan oleh beberapa buah majalah untuk menulis dalam ruangan khas, antaranya adalah seperti Majalah *Pelita Hati*, Majalah *Tafsir al-Amanah* dan ruangan “*Tanya Jawab Seputar Agama*” dalam Majalah *Harian Republika*. Beliau juga pernah menjadi salah seorang editor untuk ruangan *Jurnal Ulum al-Quran dan Mimbar Ulama* yang diterbitkan di Jakarta (Badiatul Roziqin, et. al., 2009). Selain itu, M. Quraish Shihab juga pernah dianugerahi dengan gelaran “*Tokoh Pembukuan Islam*” pada tahun 2009 ketika pameran buku secara besar-besaran di Indonesia. Anugerah tersebut diberikan kerana sumbangan dan kesungguhan yang telah ditonjolkan oleh beliau dalam bidang penulisan sangat memberangsangkan. Beliau berjaya menulis puluhan buku dan sebahagian besar daripadanya telah diulang cetak beberapa kali. Karya-karyanya turut memberi inspirasi buat penuntut ilmu dan juga masyarakat awam malahan turut membawa satu perkembangan yang sangat baik dalam dunia pembukuan Islam di Indonesia (Rahmatullah, et. al., 2021).

Beberapa karya beliau yang sering menjadi rujukan oleh penuntut ilmu dan juga masyarakat lainnya adalah seperti “*Tafsir al-Manar: Keistimewaan dan Kelemahannya*”, “*Filsafat Hukum Islam*”, “*Membumikan al-Quran*”, “*Lentera Hati: Kisah dan Hikmah Kehidupan*”, “*Untaian Permata Buat Anakku: Pesan al-Quran Untuk Mempelai*”, “*Fatwa-Fatwa Seputar Ibadah Mahdah*”, “*Fatwa-Fatwa: Seputar al-Quran dan Hadis*” dan banyak lagi (Marsadad, 2018). Karya-karya yang dihasilkan oleh M. Quraish Shihab dilihat lebih menjurus dalam bidang tafsir dan hukum Islam. Masih banyak karya beliau selain yang telah disebutkan sebelum ini. Namun begitu, karya terbesar yang telah dihasilkan oleh beliau adalah “*Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*” yang telah diterbitkan pada tahun 2000 terbitan Lantera Hati. Tafsir ini mula ditulis ketika M. Quraish Shihab menjawat jawatan sebagai Duta Mesir dan ia telah ditulis secara bersiri sehingga beliau berjaya menghasilkan 15 jilid keseluruhannya. *Tafsir al-Mishbah* juga merupakan salah satu tafsir yang sangat terkenal sehingga menjadi satu fenomena di Indonesia (Rahmatullah, et. al., 2021).

M. Quraish Shihab merupakan ulama dan juga seorang penulis buku yang sangat produktif dalam menghasilkan beberapa karya yang hebat sehingga menjadi rujukan oleh penuntut ilmu dan masyarakat umum. Namun karyanya yang terbesar dan sangat popular yang telah dihasilkan oleh beliau adalah *Tafsir al-Misbah*. Beliau bukan sahaja aktif dalam menghasilkan karyanya sendiri, bahkan turut diundang untuk menulis dalam ruangan khas untuk beberapa buah majalah. M. Quraish Shihab turut menerima gelaran “*Tokoh Pembukuan Islam*” atas sumbangannya dalam menghasilkan karya-karya yang bermanfaat dalam dunia penerbitan Islam di Indonesia.

Analisis Kaedah Penulisan Hadith dalam *Tafsir al-Misbah*

M. Quraish Shihab lebih dikenali sebagai ulama dalam bidang tafsir serta latar belakang pendidikannya yang lebih menjurus dalam bidang tafsir. Penulisan dalam bidang tafsir tidak

dapat lari daripada menggunakan hadith sebagai salah satu dalil yang perlu ada dalam penulisan tafsir. Peranan hadith dalam penulisan tafsir telah diakui oleh M. Quraish Shihab sendiri. Hal ini seperti yang telah dijelaskan oleh M. Quraish Shihab bahawa fungsi hadith dalam al-Quran adalah untuk menjelaskan maksud-maksud yang terkandung dalam firman Allah SWT. Sementara itu, fungsi hadith bukanlah untuk mencipta hukum baru, bahkan ianya adalah panduan dalam menjelaskan hukum dan ayat yang terdapat dalam al-Quran. Hukum asal sudah pastinya daripada Allah SWT, Rasulullah SAW juga perlu merujuk dan meminta petunjuk daripada Allah SWT dalam menetapkan sesebuah hukum (M. Quraish Shihab, 1992).

Ketika menafsirkan sesebuah ayat al-Quran, M. Quraish Shihab telah menggunakan beberapa kaedah, antaranya adalah seperti mendatangkan mafhum hadith sebagai penguat bagi setiap hujah beliau (Abd al-Aziz & Diayah Sofarwati, 2021). Seperti yang telah ditegaskan oleh beliau dalam karyanya “*Membumikan al-Quran*”, Nabi Muhammad SAW ditugaskan untuk menjelaskan kandungan ayat yang terdapat dalam al-Quran, ini bermakna penjelasan ataupun lebih dikenali dengan hadith yang datangnya daripada Rasulullah SAW tidak dapat dipisahkan kerana ia menjadi sebahagian daripada penjelasan yang perlu untuk diamati oleh umat Islam jika ingin memahami kandungan al-Quran dengan baik. Perintah-perintah yang datangnya daripada Rasulullah SAW juga haruslah untuk diikuti kerana sumbernya sudah pasti datang daripada wahyu Allah SWT. Al-Quran sendiri menegaskan bahawa jika seseorang mengikuti perintah Rasulullah SAW dan meninggalkan larangannya, ini menunjukkan bahawa dia juga telah mengikuti perintah Allah SWT (M. Quraish Shihab, 1992).

Selain menafsirkan al-Quran dengan al-Quran, M. Quraish Shihab juga turut menafsirkan ayat al-Quran dengan menggunakan hadith. Kedua-dua kaedah ini digelar sebagai kaedah *tafsir bi al-ra’yi*. Menurut Manna‘ al-Qaṭtan, kaedah ini juga turut dinamakan sebagai *sahīh al-manqūl*. Hadith merupakan sumber kedua yang layak untuk digunakan selepas al-Quran kerana ianya bertepatan dengan pengucapan Nabi Muhammad SAW adalah untuk menjelaskan ayat al-Quran (Manna‘ al-Qaṭtan, 2000). Berdasarkan kutipan daripada buku “*Tafsir al-Misbah Dalam Sorotan*” karangan saudara Afrizal Nur, keseluruhan hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Misbah* adalah sebanyak 964 hadith. Hadith riwayat al-Bukhari adalah sebanyak 130 buah hadith, Muslim pula adalah sebanyak 90 buah hadith. manakala riwayat al-Tirmidhi adalah sebanyak 113 buah hadith, Abū Dawud sebanyak 54 buah hadith, al-Nasa‘i 34 buah hadith, al-Hakim empat buah hadith, riwayat Ahmad sebanyak 65 buah hadith, riwayat Malik sebanyak 11 buah hadith dan al-Tabarani adalah sebanyak 13 buah hadith (Afrizal Nur, 2018). Antara ayat al-Quran yang dihuraikan dengan menggunakan hadith adalah seperti ayat yang terdapat dalam surah al-Baqarah, ayat ke 218. Ayatnya adalah seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهُوهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَفُوزٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Al-Baqarah, 218)

Ayat di atas telah diulas dengan hadith seperti yang telah ditulis oleh beliau dalam *Tafsir al-Misbah*. M. Quraish Shihab dengan mengatakan bahawa tentang hak istimewa yang hanya

dimiliki oleh Allah SWT dalam menentukan kelayakan hambanya untuk memasuki syurga. Tambah beliau lagi Rasulullah SAW juga menyebutkan bahawa baginda juga tidak akan masuk syurga kerana amalannya, bahkan ianya adalah rahmat daripada Allah SWT. Penulisan yang telah dijelaskan oleh beliau adalah seperti berikut:

Tidak seorang pun di antara kamu yang masuk ke surga dengan amalannya. Sabda Rasul SAW “Engkau pun tidak Wahai Rasul Allah?” tanya Sahabat-Sahabat beliau. “Aku pun tidak, kecuali bila Allah melimpahkan rahmat-Nya kepadaku (HR. Bukhari dan Muslim)

Selain menafsirkan ayat al-Quran dengan hadith, M. Quraish Shihab juga turut menggunakan hadith ketika menerangkan *sabab nuzul* bagi sesebuah ayat. Contohnya adalah ketika beliau menafsirkan *sabab nuzul* bagi ayat 284 dalam surah al-Baqarah. Melalui ayat tersebut, beliau telah mendatangkan hadith riwayat Muslim dengan matan Arabnya adalah seperti berikut (M. Quraish Shihab,2000):

لما نزلت على رسول الله صلى الله عليه وسلم (الله ما في السموات وما في الأرض وإن تبدوا ما في أنفسكم أو تخفوه يحاسبكم به الله فيغفر لمن يشاء ويعذب من يشاء والله على كل شيء قادر) قال فاشتئ ذلك على أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم فأتوا رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم برکوا على الركب فقالوا أي رسول الله صلى الله عليه وسلم كلفنا من الأعمال ما نطيق الصلاة والصيام والجهاد والصدقة وقد أنزلت عليك هذه الآية ولا نطيقها قال رسول الله صلى الله عليه وسلم أتريدون أن تقولوا كما قال أهل الكتاب من قبلكم سمعنا وعصينا بل قولوا سمعنا وأطعنا غفرانك ربنا وإليك المصير

“Bahawa ketika turun firman Allah yang bermaksud, “Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada dalam di dalam hatimu atau kamu menyembunyikan, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatan kamu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu” (al-Baqarah 2:284) Maka sebahagian Sahabat mengeluh kepada Rasulullah SAW seraya berkata, “Kami telah dibebani tugas yang mampu kami lakukan seperti solat, puasa, jihad dan sedekah. Sekarang telah diturunkan kepadamu ayat ini yang tidak mampu kami lakukan. Maka Rasulullah SAW bersabda, “Apakah kalian akan berucap seperti ucapan Bani Israil, “Kami mendengar tetapi kami tidak memperkenankannya? Ucapkanlah, ‘Kami dengan dan kami taati, ampunilah kami, (wahai) tuhan kami, dan kepada Engkaulah tempat kembali” (M. Quraish Shihab, 2000).

Hadith yang digunakan oleh M. Quraish Shihab ketika menafsirkan ayat al-Quran tidak semuanya didatangkan dalam bentuk matan Arabnya. Kadangkala beliau hanya mendatangkan mafhum hadithnya sahaja. Contohnya adalah seperti yang telah dituliskan oleh beliau ketika menafsirkan salah satu ayat yang terdapat dalam surah Ali-‘Imran iaitu pada ayat ke-118. Mafhum hadith bagi ayat ini adalah seperti berikut:

“Imam al-Bukhari juga meriwayatkan bahawa ada sementara orang munafik yang enggan ikut berjihad. Mereka mengemukakan berbagai dalil sehingga akhirnya Nabi mengizinkan mereka untuk tidak ikut. Mereka bergembira dengan izin itu, tetapi dalam saat yang sama mereka senang dan ingin dipuji sebagai orang-orang yang tulus ingin berjihad” (M. Quraish Shihab, 2000)

Sementara itu, berkaitan status hadith yang digunakan oleh M. Quraish Shihab tidak semuanya dikategorikan sebagai hadith yang sahih. Terdapat juga sebahagian hadith yang digunakan oleh beliau adalah berstatus *da’if*. Hal ini adalah seperti yang telah dituliskan beliau ketika menafsirkan ayat ke-129 daripada surah al-Baqarah. M. Quraish Shihab mengulas tentang mafhum hadith tersebut dengan mengatakan minuman keras yang terbuat daripada anggur dan kurma tidak akan terjadi jika sekiranya mereka mengambil kedua-dua jenis buah tersebut dengan mengikut keperluan, selebihnya diberikan kepada orang lain. Mafhum hadith tersebut disandarkan periyatannya kepada Abu Dawud. Mafhum hadith tersebut adalah seperti berikut:

“Seandainya mereka menafkahkan apa yang berlebih dari kebutuhan mereka, niscaya anggur dan korma itu tidak perlu dibuat minuman keras. Diriwayatkan oleh Abu Daud melalui Sahabat Nabi s.a.w. tentang apa yang boleh ia nafkahkan dari harta suaminya (tanpa sepengetahuannya) Nabi s.a.w. menjawab (الرطب) *ar-ruthab*/kurma yang telah matang” (M. Quraish Shihab, 2000)

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitabnya *Sunan Abi Dawud* (Abu Dawud, 2009). Melalui kajian yang dijalankan oleh saudara Parlindungan Simbolon bahawa al-Albani menghukum hadith ini sebagai hadith yang *da’if* (Al-Khaṭīb al-Tibrāzī, (1979) kerana sanadnya terputus antara Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ dan Ziyāq bin Jubair. Kedua-dua perawi ini didapati tidak pernah menjadi guru atau murid antara satu sama lain. Selain meriwayatkan hadith *da’if*, menurut Parlindungan Simbolon, M. Quraish Shihab juga turut menukilkan hadith *mawdu’*. Contohnya adalah seperti penerangan yang diberikan dalam surah al-Baqarah, ayat 282. Ayat tersebut membincangkan tentang hutang. (Parlindungan Simbolon, 2013). Penerangannya adalah seperti berikut:

“Tuntutan agama melahirkan ketenangan bagi pemeluknya, sekaligus harga diri. Karena itu, agama tidak menganjurkan seseorang berhutang kecuali jika sangat terpaksa. “Hutang adalah kehinaan di siang dan keresahan di malam hari”. Demikian sabda Rasulullah s.a.w. (M. Quraish Shihab, 2000).

Berdasarkan tulisan di atas, *Parlindungan Simbolon* kemudiannya mendatangkan matan Arab seperti berikut (Parlindungan Simbolon, 2013):

يَا بْنَىٰ : إِيَّاكُ وَالدِّينُ ، فَإِنَّهُ ذُلُّ النَّهَارِ ، وَهُمُ اللَّيْلُ

Setelah melakukan beberapa semakan terhadap beberapa buah kitab, pengkaji menemui matan tersebut dalam kitab *Tafsir Tahrīr wa al-Tanwīr* dan juga *al-Sirāj al-Munīr*. Walau bagaimanapun, matan tersebut bukan sebuah hadith daripada Rasulullah Saw seperti yang dinyatakan oleh M. Quraish Shihab, tetapi ia merupakan nasihat yang telah diberikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya (Ibn ‘Asyur, 1984). Selain daripada contoh-contoh di atas, antara lain metode pentafsiran tafsir dengan hadith menurut Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan juga Muhd Najib Abd Kadir bahawa M. Quraish Shihab melakukan terjemahan secara *harfiyah* terhadap hadith yang dinukilkan di dalam *Tafsir al-Azhar*. Malahan beliau juga dilihat jarang melakukan *takhrij* terhadap sebahagian hadith. M. Quraish Shihab juga sangat jarang menulis matan hadith, beliau juga meletakkan nama perawi hadith di akhir terjemahan hadith tersebut (Mazlan Ibrahim, et. Al., 2013). Justeru itu, penggunaan hadith sebagai tafsiran dalam *Tafsir al-Misbah* dilihat tidak seragam, kerana ada kalanya M.Quraiah Shihab menulis matan dan terjemahannya dan kebiasaannya nama perawi akan ditulis dihujung terjemahan hadith tersebut. Kadangkala hanya menukilkan terjemahannya sahaja dan sangat jarang melakukan *takhrij* terhadap hadith-hadith tersebut sama ada sahih ataupun *da’if*.

Kesimpulan

Secara umumnya, dapat dilihat bahawa M. Quraish Shihab merupakan seorang ulama yang diakui ketokohnanya di Indonesia dalam bidang tafsir. Ketokohan beliau turut mendapat sanjungan beberapa orang tokoh seperti Jusuf Kalla yang merupakan wakil presiden Indonesia dan Ketua Menteri Bencana Indonesia. Selain itu, beliau juga turut tersenarai sebagai 500 orang yang berpengaruh selama 11 tahun berturut-turut dalam majalah *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslim*. Karya-karya beliau juga sering mendapat perhatian serta rujukan oleh pengkaji akademik yang lain. M. Quraish Shihab juga boleh dikategorikan sebagai ulama yang memiliki keunikan dengan caranya yang menggabungkan kajian tentang pentafsiran al-Quran dan juga hadith. Beliau tidak hanya mengutip hadith, bahkan turut menganalisis hadith tersebut sehingga menemukan maknanya yang relevan dan bersesuaian untuk bacaan setiap lapisan masyarakat. Antara metode yang digunakan oleh M. Quraish Shihab ketika menafsirkan sesebuah ayat al-Quran adalah dengan mendatangkan hadith sebagai penguat hujah dan juga untuk menerangkan maksud ayat tersebut. Beliau juga turut menggunakan hadith untuk menerangkan *sabab nuzul* bagi ayat tertentu. Walau bagaimanapun, penggunaan hadith dalam tafsirnya dilihat tidak seragam. Hal ini demikian kerana kadangkala beliau hanya mendatangkan mafhum hadith tanpa matan dalam bahasa Arab. M. Quraish Shihab juga dilihat jarang melakukan *takhrij* terhadap hadith-hadith yang telah dikemukakan. Namun begitu, metode M. Quraish Shihab yang menggunakan hadith sebagai sumber utama dalam *Tafsir al-Misbah* dilihat sebagai usaha yang perlu dicontohi oleh pengkaji yang lain. Hal ini demikian kerana hadith merupakan sumber yang sangat penting dalam menguatkan hujah di samping mampu menjaga keaslian tafsiran ayat tersebut.

Rujukan

- Abd al-Aziz & Diayah Sofarwati. (2021). Kajian Tafsir al-Misbah Karya Muhammad Quraish Shihab. *Jurnal Pendidikan Islam Bahtsuna*. 3 (1), 1-14.
- Afrizal Nur. (2012). *M. Quraish Shihab dan Rasionalisasi Tafsir*. *Jurnal Ushuluddin*. Xviii (1), 21-33.
- Afrizal Nur. (2018). *Tafsir al-Misbah dalam Sorotan: Kritik Terhadap Karya Tafsir M. Quraish Shihab*. Cet. 1. Jakarta Timur: Terbitan Pustaka al-Kautsar.
- Amirudin. (2017). Pengaruh Pemikiran H.M Quraish Shihab Bagi perkembangan Intelektual dan Kehidupan Umat Islam Indonesia. *Sigma-Mu: Jurnal Publikasi Hasil Penelitian dan Gagasan Ilmiah Multidisiplin*. 9 (1), 33-50.
- Atik Wartini. (2014). *Nalar Ijtihad Jilib Dalam Pandangan M. Quraish Shihab (Kajian Metodologi)*, Universiti Negeri Jogjakarta, Indonesia, Musawa, Vol. 13, No. 1, 29-38.
- Badiatul Raziqin, Badiatul Muclisin & Junaidi Abdul Munif. (2009). *101 Jejak Tokoh Islam Indonesia*, Cet.1, Yogyakarta: Terbitan e-Nusantara.
- Farida. (2018). *Kepimpinan Wanita Dalam al-Quran (Studi Komparatif Tafsir al-Misbah dan Tafsir Ibnu Katsir)*. Tesis Sarjana Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia.
- H. Mahmud Yunus. (1979). *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Cet.2. Jakarta: Terbitan Mutiara.
- Ibn ‘Asyur, Muhammad al-Tahir. (1984). *Tafsir al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 21. Tunisia: Dār al-Tūnisiyat.
- Joseph Lumbard & Aref Ali Nayed. (2010), *The 500 Most Influential Muslims*, Cet. 3, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Center (RISSC).
- Manna‘ al-Qaṭtan. (2000). *Mabāḥith fi ‘Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- M. Quraish Shihab. (2007). *Sunnah-Siyah Bergandengan Tangan! Mungkinkah?*, Cet.1, Jakarta: Lentera Hati.
- M. Quraish Shihab. (1992). *Membumikan al-Quran, Fungsi dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*. Yogjakarta: Penerbit Mizan
- M. Quraish Shihab. (2000). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Jil.1, Cet.1, Tanggerang: Lantera Hati.
- Marsadad. (2018). *Penafsiran Pemimpin Non Muslim Menurut M. Quraish Shihab Dan Sayyid Quthb*. Fakulti Ushuluddin dan Filsafat Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darusslam. Banda Aceh: Indonesia.
- Mauluddin Anwar, Latief Siregar & Hadi Mustofa. (2015). *Cahaya, Cinta, dan Canda M. Quraish Shihab*. Cet. 2, Tangerang: Lentera Hati.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najid. (2014). *Pengenalan Tokoh-Tokoh Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Cet. 2. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Iqbal. (2010). Metode Penafsiran al-Quran M. Quraish Shihab. *Jurnal TSAQAFAH*. 6 (2), 249-270.

- Parlindungan Simbolon. (2013). Metodologi Penulisan Hadith Dalam Tafsir Bahasa Melayu: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Mishbah dan Tafsir Pedoman Mutaqin. Disertasi Master (Usuluddin), Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rahmatullah, Hudriansyah & Mursalim. (2021), M. Quraish Shihab dan Pengaruhnya Terhadap Dinamika Studi Tafsir al-Qura'an Indonesia Kontemporer. *Jurnal Suhuf, Jurnal Pengkajian al-Quran dan Budaya*. 14 (1), 127-151.
- S. Abdallah Schleifer. (2012). *The 500 Most Influential Muslims*. Cet. 2. Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Center (RISSC).
- Wardani. (2009). Kontroversi Penafsiran Tentang Penciptaan Perempuan Dalam al-Quran: Analisis Terhadap Penafsiran M. Quraish Shihab. *Jurnal Ishraqi*. 5 (1), 109-124.
- Yovi Pebriyanti. (2019). *Nusyuz Menurut M. Quraish Shihab Dalam Tafsir al-Misbah*. Tesis Sarjana Ilmu al-Quran dan Tafsir. Institut Agama Islam Negeri (IAIN).. Bengkulu: Indonesia